

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT, PETROSAINS BIMBING GENERASI MUDA B40 & ASNAF KUASAI KEWANGAN DAN STEM

29 September 2025, Kuala Lumpur - Menyahut seruan Kerajaan dan Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan tahap literasi kewangan serta memperluas pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) dengan kerjasama Petrosains hari ini melancarkan **inisiatif berimpak tinggi, “Program Cilik Celik Kewangan Bersama Asnaf dan B40”**, khusus buat pelajar sekolah dari golongan B40 dan asnaf terpilih. Inisiatif ini juga menjadi sebahagian daripada usaha Bank Muamalat menyemarakkan Bulan Literasi Kewangan yang berlangsung dari 1 hingga 31 Oktober dengan tema “Bijak Sekarang, Masa Depan Terjamin”.

Program ini dirancang bukan sahaja untuk memperkenalkan asas kewangan seperti kepentingan menabung, pengurusan wang peribadi dan perbelanjaan berhemah, tetapi turut diperkaya dengan modul pendidikan STEM yang interaktif dan menyeronokkan. Pendekatan dwi-fokus ini memberi peluang kepada pelajar untuk menguasai ilmu kewangan sambil menanam minat terhadap bidang STEM, sekali gus membekalkan mereka dengan kemahiran masa depan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin, berkata program ini mencerminkan komitmen Bank dalam memperkasakan masyarakat melalui pendekatan holistik.

“Dengan menggabungkan literasi kewangan dan pendidikan STEM, kami bukan sahaja membantu pelajar asnaf dan B40 memahami asas pengurusan kewangan, tetapi juga membuka ruang untuk mereka membina keyakinan diri serta daya saing dalam dunia moden.

Program ini mencerminkan aspirasi Bank Muamalat untuk melangkaui fungsi tradisional perbankan dengan membawa impak sosial yang berpanjangan, demi membina kehidupan lebih baik, bersama.”

Beliau menambah, kerjasama dengan Petrosains membuka potensi pelbagai program masa depan, termasuk penganjuran acara STEM interaktif, aktiviti pendidikan komuniti serta inisiatif kewangan mesra keluarga yang menepati keperluan kanak-kanak dan ibu bapa. Bank Muamalat juga berhasrat untuk menganjurkan lebih banyak program

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

seumpama ini di seluruh negara serta memperluas kerjasama strategik dengan Petrosains agar manfaatnya dapat dirasakan oleh lebih ramai pelajar B40 dan asnaf pada masa akan datang.

Program sulung ini menyaksikan penyertaan seramai 40 orang pelajar dari Rumah Bakti Dato' Harun, Selangor yang dibawa ke Petrosains untuk mengikuti pelbagai aktiviti menarik merangkumi literasi kewangan dan bengkel interaktif STEM. Bank Muamalat juga telah menyampaikan sumbangan zakat berjumlah RM1,500 kepada rumah kebajikan tersebut.

Melihat kepada komitmen berterusan Bank Muamalat dalam memperkasa kewangan sosial, pemenang kempen Save2Win bulan Jun lalu, Syarikat Electrius Sendirian Berhad turut hadir dalam program tersebut untuk menyerahkan wang kemenangannya sebagai sumbangan kepada Tabung Jariah Fund Bank Muamalat berjumlah RM5,000.

Untuk maklumat lanjut berkenaan inisiatif tanggungjawab sosial korporat Bank Muamalat, boleh layari www.muamalat.com.my atau menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.